# Hari Perbarisan Badan Beruniform Sesi 2022/2023 UPM bina sifat kepimpinan pelajar

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari
Foto: Mohammad Izrul Bin Abdul Jabar

LIHAT JUGA









pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
+603-9769 1000
---
@ pspk@upm.edu.my



**SERDANG, 14 Januari** - Seramai 141 orang anggota gabungan daripada semua badan beruniform di Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai Hari Perbarisan Badan Beruniform Sesi 2022/2023 anjuran Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) UPM.

Penganjuran program ini bertujuan untuk membina sifat kepimpinan, perpaduan dan patriotisme melalui perbarisan badan beruniform.

Naib Canselor UPM, YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata program ini dilaksanakan semula setelah terhenti seketika berikutan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara.



"Platform seperti ini juga wajar digunakan untuk mempromosi dan menarik penyertaan lebih ramai pelajar menganggotai badan beruniform yang ada di UPM.

"Jumlah keseluruhan anggota badan beruniform di UPM pada ketika ini adalah seramai 632 orang pelajar daripada tahun pertama hingga tahun akhir.

"Ini merupakan jumlah yang cukup besar dan sekali gus menunjukkan bahawa pelajar UPM sentiasa beriltizam untuk bergiat aktif dalam pasukan badan beruniform," katanya.






Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Pengurusan Alam Sekitar yang menyertai PALAPES Darat, Muhammad Ikbal Herman berkata melalui penglibatan badan beruniform di universiti, ia sangat membantu membina keterampilan dan personaliti yang hebat dalam diri mahasiswa.

Perbarisan ini telah disertai oleh Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Kor SUKSIS), Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA),  Persekutuan Pengakap Malaysia dan  Persatuan Pandu Puteri KLOVER.

Pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh setiap badan beruniform ini juga dilihat selari dengan Matlamat Satu, Pelan Strategik UPM 2021 – 2025 iaitu Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang.-UPM

Tarikh Input: 18/01/2023 | Kemaskini: 25/01/2023 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fhari_perbarisan_badan_beruniform_sesi_2022_2023_upm_bina_sifat_kepimpinan_pelajar-70925&title=Hari%20Perbarisan%20Badan%20Beruniform%20Sesi%202022%2F2023%20UPM%20Bina%20Sifat%20Kepimpinan%20Pelajar%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

## HUBUNGI KAMI

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM
Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

-

spk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999


## PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)

Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

## PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)

Keluarga Malaysia (https://keluargamalaysia.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)

Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)

Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

## PAUTAN PANTAS

**FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)**

Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)

UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)

Takwim UPM 2023 (https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/20221222122346LAMPIRAN_1_TAKWIM_MAJLIS_RASMI_UPM_2023.pdf)

(http://putra.upm.edu.my)

(http://www.pertanika.upm.edu.my)

(http://www.psasir.upm.edu.my/)

(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)

Soal Kerap

(http://reg.upm.edu.my/eISO/)

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

© 2023 Universiti Putra Malaysia